



**JABATAN WILAYAH PERSEKUTUAN**

Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya

Tel: 03-8000 8000 Faks: 03-8889 7957

Laman web: [www.jwp.gov.my](http://www.jwp.gov.my)

---

**SIARAN MEDIA**

**RM300 RIBU SUMBANGAN NUR RAMADAN KEPADA ASNAF  
WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN 2025/1446H**

**LABUAN, 15 MAC 2025** – Jabatan Wilayah Persekutuan bersama Perbadanan Labuan menganjurkan Program Nur Ramadan Peringkat Wilayah Persekutuan Labuan 2025/1446H di Surau Annur Rahim Kampung Sungai Buton bagi mengimarahkan bulan Ramadan yang penuh keberkatan ini. Sumbangan Nur Ramadan di ketiga-tiga Wilayah Persekutuan tahun 2025 ini adalah sebanyak RM1,100,000.00 yang merupakan sumbangan wang zakat daripada Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP). Daripada jumlah keseluruhan peruntukan sumbangan Nur Ramadan 2025 ini, sebanyak RM300,000.00 diagihkan kepada 1,500 orang asnaf dan fakir miskin di Wilayah Persekutuan Labuan.

YB Datuk Seri Dr. Zaliha binti Mustafa, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan) hari ini menyerahkan bantuan wang tunai bernilai RM200.00 setiap orang kepada 300 asnaf termasuk anak-anak yatim, warga emas, ibu tunggal, OKU dan mereka yang kurang berkemampuan. Manakala baki 1,200 orang lagi penerima sumbangan di Wilayah Persekutuan Labuan akan menerima agihan sumbangan secara berperingkat. Pemilihan penerima sumbangan ini dipilih melalui senarai asnaf yang berdaftar dengan MAIWP, sistem eKasih dan Jabatan Kebajikan Masyarakat. Kategori asnaf yang dipilih juga termasuk golongan fakir, miskin, *al-gharimin*, *al-riqab*, *fisabillah* dan *muallaf*.

Jabatan Wilayah Persekutuan turut menyediakan peruntukan sebanyak RM75,000.00 bagi setiap Wilayah Persekutuan untuk penyediaan juadah berbuka puasa dan moreh kepada para asnaf yang menghadiri program Nur Ramadan. Pada kali ini, Surau Annur Rahim Kampung Sungai Buton merupakan surau terpilih yang menerima sumbangan khas sebanyak RM5,000.00 daripada Jabatan Wilayah Persekutuan. Sumbangan ini bagi membantu menaik taraf fasiliti Surau Annur Rahim Kampung Sungai Buton untuk memberi keselesaan kepada komuniti beribadah di surau ini.

YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan) turut menyantuni dan bersahur bersama anak-anak Tahfiz dari Maahad Tahfiz Madrasah Al Ansar dan ahli kariah Masjid Sirajul Islam Kampung Tanjung Aru dalam Program Singgah Sahur pada 16 Mac 2025. Program Singgah Sahur ini dapat mengukuhkan nilai kemanusiaan dan keperluan sosial untuk kesejahteraan komuniti. YB Menteri juga menyerahkan sumbangan kepada 41 orang anak tahfiz dan mudir serta sumbangan RM5,000 kepada Maahad Tahfiz Madrasah Al Ansar. Masjid Sirajul Islam Kampung Tanjung Aru juga menerima sumbangan bernilai RM5000 daripada pihak Jabatan Wilayah Persekutuan.

Melalui penganjuran program Nur Ramadan Wilayah Persekutuan ini, pihak kerajaan dapat menyantuni golongan miskin yang seterusnya dapat meringankan beban golongan ini. Diharapkan melalui program ini turut dapat mengeratkan ukhuwah, perasaan kasih sayang dan persaudaraan yang teguh dalam diri setiap individu di Wilayah Persekutuan. Agama Islam mengajak semua supaya bersatu padu, berkeluarga dan mengukuhkan hubungan silaturrahim agar Wilayah Persekutuan terus maju dan sejahtera dalam keadaan yang aman dan damai selari dengan Aspirasi Malaysia MADANI Kesejahteraan.

\*\*\*

**Disediakan oleh:**  
**Bahagian Komunikasi Korporat**  
**Jabatan Wilayah Persekutuan**  
**15 Mac 2025**